

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA,
MESYUARAT KOSONG, PENGGAL KOSONG,
PARLIMEN KOSONG TAHUN**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN NOORITA BINTI SUAL
TARIKH : 26 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

YB Puan Hajah Zainun A. Bakar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberikan cuti bergaji penuh 90 hari kepada wanita yang bersalin atau adakah keadaan ini akan diperkenalkan oleh Kerajaan bagi memastikan cuti bersalin itu diberikan kepada wanita.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin akan pentingnya kemudahan cuti bersalin yang mencukupi kepada golongan wanita untuk menjaga kesihatan diri dan meluangkan masa berkualiti bersama bayi mereka. Kemudahan cuti bersalin adalah sebahagian daripada usaha mewujudkan suasana kerja yang mesra keluarga ke arah mencapai keseimbangan kerjaya dan keluarga. Sehubungan itu, KPWKM akan mengadakan satu sesi konsultasi pada 29 Julai 2010 dengan pihak yang berkepentingan iaitu perwakilan daripada majikan serta pekerja dari sektor awam dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembangunan keluarga. Langkah ini adalah bagi memastikan cadangan pelanjutan tempoh cuti bersalin kepada 90 hari tidak menjejaskan kepentingan mana-mana pihak. Seterusnya hasil sesi konsultasi disyorkan untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

Jawapan Disediakan Oleh:- 1) Nama : Cik Lim Mei Ying 2) Jawatan : Ketua Penolong Setiausaha (Perancangan dan Penyelidikan) 3) Bahagian : Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 4) No. Tel : 03-2690 4023

Jawapan Disemak Oleh:- 1) Nama : Cik Zuraidah Amiruddin 2) Jawatan : Timbalan Setiausaha Bahagian (Dasar Wanita dan Keluarga) 3) Bahagian : Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 4) No. Tel : 03-2690 4025

Jawapan Disemak Semula Oleh:- 1) Nama : Encik Harjeet Singh 2) Jawatan : Setiausaha Bahagian 3) Bahagian : Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Jawapan Diperakukan Oleh:- 1) Nama : Y. Bhg. Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Datuk Nor Hayati Sulaiman 2) Jawatan : Ketua Setiausaha